

PENERAPAN KOMUNIKATIF DALAM PENGAJARAN BAHASA MELAYU: KAJIAN KES GURU CEMERLANG

MOHD ASRI HARUN
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia
6973asri@gmail.com

ZULKIFLEY HAMID
Universiti Kebangsaan Malaysia
zulkifley@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti bagaimanakah amalan komunikatif berdasarkan prinsip komunikatif Littlewood telah diterapkan dalam pengajaran bahasa Melayu oleh guru cemerlang. Subjek kajian merupakan seorang guru cemerlang bahasa Melayu sekolah rendah di negeri Terengganu yang berpengalaman selama 25 tahun. Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan melakukan pencerapan terhadap pengajaran guru cemerlang. Pengkaji turut melakukan temu bual dan penganalisisan dokumen. Pengkaji menganalisis data cerapan dan dokumen berstruktur menggunakan kod penerangan. Data temu bual pula ditranskripsikan terlebih dahulu sebelum diberi kod penerangan. Hasil kajian menunjukkan guru cemerlang yang dikaji telah mengamalkan kelima-lima prinsip amalan komunikatif dalam perancangan dan pelaksanaan pengajarannya. Kelima-lima prinsip amalan komunikatif tersebut ialah; (1) bahasa dipelajari dalam konteks yang bermakna, (2) bahasa yang digunakan merupakan sebuah teks atau wacana yang merujuk kepada situasi yang sebenar, (3) PdP disesuaikan dengan keperluan dan minat murid, (4) penggunaan bahasa untuk berkomunikasi memerlukan latihan kemahiran komunikatif dan (5) guru berperanan sebagai fasilitator, pengurus, pendorong, dan penasihat. Dapatan juga menunjukkan wujudnya penerapan amalan komunikatif oleh guru cemerlang dalam pengajaran bahasa Melayu dalam ketiga-tiga instrumen kajian yang digunakan. Kajian ini memperlihatkan kepada kita betapa pentingnya prinsip komunikatif diterapkan dalam pengajaran bahasa Melayu. Penerapan amalan komunikatif dalam pengajaran bahasa Melayu akan membolehkan kita merealisasikan matlamat pendidikan bahasa Negara, iaitu membina keterampilan berbahasa dan berkomunikasi dalam kalangan murid.

Kata kunci: amalan komunikatif; guru cemerlang; prinsip amalan komunikatif; kajian kualitatif; keterampilan berbahasa

THE APPLICATION OF COMMUNICATIVE PRINCIPLES IN THE TEACHING OF MALAY: CASE STUDY OF AN EXCELLENT TEACHER

ABSTRACT

This study was undertaken to determine how communicative principles based on the principle of communicative practices proposed by Littlewood is applied in the teaching of Malay language. The subject of the study is an excellent teacher from Malay primary schools in Terengganu with the experienced of 25 years. The researchers use qualitative research design to do observations on teaching, and supported by data from interview and documents

analysis. Data from observations and structured documents were analyzed using were analyzed using the coded description. The transcribed interview data also have been coded. The result shows that the teacher applied all the five principles of communicative practices in the planning and implementation of lessons. The five communicative principles are; (1) language is studied in a meaningful context (2) language usage always involved actual situation (3) teaching and learning should be adapted to the needs and interests of students (4) communicative skills need practices to be acquired and (5) teacher should acts as a facilitator, manager, motivator and mentor. The analyzed data also shows that the communicative practices have been applied by the excellent teacher in the teaching of Malay language in the three instruments used in this study. This study shows the importance of applying the communicative principles in the teaching of Malay language. The application of these communicative principles in Malay language teaching will enable us to achieve the National aspiration in enabling our students to acquire various skills of communication.

Keywords: communicative practices; excellent teacher; principles of communicative practice; qualitative research; language skills

PENGENALAN

Pendidikan bahasa Melayu sejak sekian lama menekankan matlamat penghasilan murid yang berketerampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi dengan baik. Penelitian terhadap dokumen berkaitan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013) menunjukkan bahawa matlamat pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu tidak lain daripada kefasihan berbahasa dan kecekapan komunikatif (Hasyim, 2003). Matlamat ini bertujuan supaya setiap murid memiliki kecekapan komunikatif (Hymes, 1972), iaitu memiliki pengetahuan dan kecekapan terhadap peraturan formal sesuatu bahasa (tatabahasa), dan memiliki pengetahuan dan kecekapan terhadap penggunaan bahasa mengikut konteks atau situasi.

Kecekapan komunikatif ini penting kerana komunikasi yang berkesan diberi penekanan dalam pendidikan bahasa Melayu. Hal ini bertepatan dengan fungsi utama bahasa sebagai alat komunikasi (Teo Kok Seong, 2007). Melalui fungsi utama bahasa inilah, murid dapat berkomunikasi dengan ahli keluarga, rakan, dan masyarakat untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, ilmu, kemahiran, maklumat, nilai, dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013). Apabila fungsi ini gagal direncanakan, maka PdP bahasa tidak lebih daripada pembelajaran terhadap rumus-rumus bahasa yang bebas daripada konteks penggunaannya.

Pendekatan komunikatif merupakan antara pendekatan terkini dalam pengajaran bahasa Melayu. Pendekatan ini menekankan penggunaan bahasa dan bukan pengetahuan bahasa semata-mata (Wilkins, 1976; Widdowson, 1978; Widdowson, 2009; Littlewood, 1985; Juriah et al, 1992). Dengan kata lain, pendekatan ini meluaskan konsep pembelajaran bahasa dengan menekankan bahawa pengetahuan bahasa bukanlah semata-mata pengetahuan tentang peraturan bahasa tetapi juga pengetahuan tentang penggunaan peraturan berbahasa yang sesuai mengikut konteks komunikasi. Kedua-dua komponen pengetahuan bahasa ini dinyatakan oleh Zulkifley (2012) sebagai komponen tatabahasa dan komponen tataberbahasa, manakala Juriah (2010) pula menamakannya sebagai kecekapan bahasa dan kecekapan menggunakan bahasa.

Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan telah memperkenalkan jawatan guru cemerlang (GC) kepada setiap mata pelajaran termasuk bahasa Melayu. Berdasarkan kriteria permohonan, GC bahasa Melayu bolehlah ditakrifkan sebagai guru bahasa Melayu yang memiliki empat kriteria kecemerlangan iaitu; (1) berpengalaman dalam perkhidmatan dan bidang bahasa Melayu dalam satu tempoh masa

tertentu, (2) mempunyai tahap akademik dan sahsiah yang sangat baik, (3) berkemahiran dalam bidang pendidikan bahasa Melayu sama ada dalam reka bentuk, penyampaian, penguasaan, dan penilaian kurikulum bahasa Melayu dan (4) terlibat dalam penyelidikan, inovasi, dan penerbitan berkaitan bidang bahasa Melayu.

Berdasarkan Terma Rujukan Konsep Guru Cemerlang, GC ditakrifkan sebagai guru yang mempunyai pengetahuan, kemahiran, dan kepakaran yang tinggi dalam mata pelajaran tertentu khususnya dalam bidang PdP. GC juga sentiasa berdedikasi dan bermotivasi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara berterusan. Daripada takrifan ini, sudah tentu pengajaran GC merupakan suatu bentuk pengajaran yang unik dan istimewa kerana strategi, pendekatan, kaedah, dan teknik yang berlandaskan komitmen tinggi ini diiktiraf dan dirujuk oleh rakan sekerja yang lain. Dalam kajian kes ini, GC yang dikaji adalah menepati ciri-ciri yang dinyatakan di atas.

PENYATAAN MASALAH

GC merupakan satu jawatan yang istimewa. Pemegang jawatan ini merupakan kumpulan guru yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia setelah melalui proses penilaian dokumentasi dan pencerapan PdP di dalam bilik darjah. Dalam aspek dokumentasi, GC mempunyai pengalaman yang luas dan mendalam terhadap bidang serta mempunyai rekod sumbangan yang besar terhadap organisasi. Dari segi PdP, GC mempunyai pengetahuan tentang bidang dan berkemahiran tinggi dalam pedagogi (rujuk terma permohonan Guru Cemerlang 2014). Justeru, amatlah rugi sekiranya idea, kepakaran, dan pengalaman berharga GC ini tidak disebarluaskan untuk dikongsi oleh masyarakat, khususnya warga pendidik (Jemaah Nazir Sekolah, 2006).

GC bahasa Melayu telah wujud sejak tahun 1994. Sehingga kedua puluh tahun ini, masih belum banyak yang dapat dikongsi tentang amalan PdP GC bahasa Melayu, sedangkan setiap tahun jumlah GC semakin bertambah. Penelitian terhadap kajian perpustakaan menunjukkan bahawa kajian khusus terhadap amalan komunikatif dalam bentuk pendekatan mengajar bahasa Melayu hanya melibatkan guru-guru biasa bahasa Melayu. Amalan komunikatif yang berkait langsung dengan pencapaian matlamat pendidikan bahasa Melayu iaitu untuk melahirkan murid yang berketerampilan dalam berbahasa sangat perlu untuk dikaji khususnya dari segi perspektif GC. Sehingga hari ini, masih belum ada kajian yang diketahui. Warga pendidikan, khususnya pendidik bahasa Melayu ingin mengetahui bagaimanakah GC yang diiktiraf pedagogi pengajarannya mengamalkan pendekatan komunikatif dalam PdP bahasanya.

SOROTAN LITERATUR

Kementerian Pendidikan Malaysia mula memperkenalkan jawatan GC pada tahun 1993. Selepas hampir 21 jawatan GC diperkenalkan, terdapat pelbagai kajian telah dijalankan oleh penyelidik terhadap GC ini. Kebanyakan kajian yang dijalankan adalah berfokus kepada aspek PdP. Antara kajian tersebut ialah kajian yang dilakukan oleh Rozita Radhiah dan Abdul Rasid (2012). Namun, berdasarkan tinjauan perpustakaan, kajian-kajian yang melibatkan GC bahasa Melayu agak kurang dikaji. Rozita Radhiah dan Abdul Rasid (2012) telah mengkaji amalan pengajaran karangan GC di dalam bilik darjah. Fokus kajian tertumpu kepada cara atau sistem mengajar GC yang diaplikasi dalam pendekatan, kaedah atau teknik dalam pengajaran karangan bahasa Melayu. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes yang melibatkan lima orang GC bahasa Melayu sekolah menengah di negeri Melaka. Maklumat kajian diperoleh menerusi kaedah rakaman video, pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen yang berkaitan. Kajian ini bertujuan untuk (1) mengenal

pasti amalan pengajaran karangan GC dan (2) mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh GC semasa pengajaran karangan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengajaran karangan GC bahasa Melayu masih lagi bersifat tradisional. GC bahasa Melayu masih banyak lagi menggunakan pendekatan berpusatkan guru dengan kaedah syarahan. Kaedah ini bukan sahaja dianggap lebih produktif dari segi masa dan tenaga, tetapi juga sebagai satu sistem kawalan disiplin yang efektif (Hazri, 2009; Fadzilah, 2007). Proses pembelajaran berbentuk sehalu dengan GC berperanan besar dalam menyediakan segala perincian pelajaran terhadap murid. PdP lebih memfokuskan hasil karangan berbanding proses mengarang. Antara kekangan yang dihadapi oleh guru cemerlang ialah bilangan murid yang ramai, beban kerja yang bertambah, dan tekanan daripada sistem penilaian sekolah.

Rozita Radhiah (2012) juga mengkaji penyampaian lisan dalam pengajaran karangan GC bahasa Melayu. Kajian ini merujuk kepada penyampaian lisan pada peringkat permulaan, penyampaian isi, dan penutupan kepada murid-murid sekolah menengah. Peringkat-peringkat penyampaian ini dikaitkan dengan aspek pendekatan, kaedah atau teknik yang digunakan oleh GC dalam pengajaran karangan bahasa Melayu. Kajian berbentuk kualitatif ini bertujuan (1) menghuraikan kefahaman GC tentang pengajaran karangan, (2) menerangkan cara pengajaran karangan GC, dan (3) menjelaskan pelaksanaan penilaian pengajaran karangan GC. Bagi tujuan ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kes dan data diperolehi melalui rakaman video, temu bual, dan analisis dokumen.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kefahaman GC adalah selari dengan garis panduan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah. Susuk karangan menepati ciri-ciri karangan cemerlang yang digariskan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Penyampaian lisan pengajaran karangan GC pula memperlihatkan ciri-ciri pengajaran konvensional yang ketara. Pengendalian pengajaran adalah berpusatkan guru, bahan, dan kawalan disiplin sementara pelakuan murid lebih terhad kepada penerima pasif. Penilaian karangan murid pula berdasarkan ciri-ciri yang menepati skor peperiksaan awam. Ini menunjukkan bahawa GC memahami keperluan kriteria karangan yang cemerlang.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk melaporkan penerapan amalan komunikatif dalam pengajaran GC bahasa Melayu. Secara khusus, kajian ini bertujuan:

- a. menghuraikan penerapan amalan komunikatif GC bahasa Melayu sekolah rendah dalam pengajaran bahasa Melayu berdasarkan prinsip komunikatif Littlewood (1981).
- b. menjelaskan kekerapan pengamalan kelima-lima prinsip komunikatif Littlewood (1981) yang diamalkan oleh GC bahasa Melayu sekolah rendah dalam pengajaran bahasa Melayu.

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian metodologi kajian ini akan membincangkan tentang reka bentuk kajian, instrumen, dan responden yang terlibat dalam membekalkan maklumat kualitatif. Bahagian ini juga akan menjelaskan tatacara pengumpulan data dan penganalisan data bagi menjawab objektif kajian.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif. Pengkaji menggunakan kajian lapangan dengan turun ke sekolah untuk membuat pencerapan dan temu bual terhadap pengajaran GC. Ini selaras dengan pandangan David Lim et al., (2010) yang menyatakan data kajian lapangan dikutip melalui pemerhatian atau temu bual bagi menjelaskan sesuatu fenomena. Kajian lapangan ini dipilih memandangkan pelakuan mengajar guru merupakan satu fenomena tingkah laku yang boleh diperhatikan oleh pengkaji.

Instrumen Kajian

Dalam kajian lapangan ini, pengkaji menggunakan data triangulasi kerana menurut David Lim et al. (2010) masalah kebolehppercayaan dan kesahan boleh diatasi dengan triangulasi. Danzin (1997) mengkategorikan triangulasi kepada empat bentuk, iaitu triangulasi yang melibatkan kepelbagaian jenis data, kepelbagaian jenis pemerhatian (instrumen), kepelbagaian kaedah, dan penggunaan lebih daripada satu teori. Sesuai dengan pandangan David Lim et al. (2010) dan Danzin (1997), pengkaji menggunakan tiga instrumen kualitatif dalam kajian ini iaitu pemerhatian separa berstruktur terhadap tingkah laku GC dan murid semasa proses PdP, temu bual tidak berstruktur dengan GC dan tiga orang murid, dan analisis kandungan rancangan pengajaran harian.

Pemerhatian separa berstruktur digunakan untuk mengumpul data pencerapan terhadap pengajaran GC dan mengenal pasti bagaimana amalan komunikatif dilakukan semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Pemerhatian dilakukan selama 120 minit masa pengajaran dan divideokan untuk memastikan tingkah laku yang diperhatikan dapat dianalisis secara tepat. Pengkaji juga membuat analisis dua dokumen rancangan pengajaran harian (RPH) GC bahasa Melayu tersebut. RPH dipilih kerana dokumen ini merupakan asas perancangan yang akan menentukan keseluruhan objektif dan gerak kerja pengajaran GC. Temu bual tidak berstruktur pula digunakan untuk mendalami pemikiran dan sikap subjek terhadap amalan komunikatif dengan lebih mendalam berdasarkan penemuan awal tentang amalan komunikatif yang dikesan semasa pemerhatian dan analisis kandungan dokumen. Data yang diperoleh akan memantapkan penyelidikan yang dijalankan (Noraini, 2010).

Responden Kajian

Responden kajian ini merupakan seorang GC yang mengajar di salah sebuah sekolah rendah di daerah Kuala Terengganu, Terengganu. Beliau mempunyai kelayakan ijazah pertama dan berpengalaman luas dalam pendidikan bahasa Melayu. Responden kajian ini terlibat secara langsung dengan program-program Lembaga Peperiksaan Malaysia, Bahagian Pendidikan Guru, Bahagian Sekolah Harian, dan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu. Responden kajian merupakan tenaga penting dalam pembangunan pendidikan bahasa Melayu sekolah rendah negeri Terengganu dan pernah memegang jawatan penting sebagai ketua fasilitator dan ketua jurulatih utama bahasa Melayu negeri Terengganu. Pemilihan responden ini adalah berdasarkan saranan Noraini (2010) iaitu penyelidikan kualitatif berdasarkan persampelan bertujuan.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dianalisis berdasarkan prinsip amalan komunikatif yang diperkenalkan oleh Littlewood (1981). Littlewood dalam membincangkan pengajaran bahasa secara komunikatif

menggariskan lima prinsip utama sebagai panduan untuk mengenal pasti amalan komunikatif dalam pengajaran bahasa. Pengkaji mendapati kelima-lima prinsip tersebut iaitu (1) bahasa dipelajari dalam konteks yang bermakna (konteks komunikasi), (2) bahasa yang digunakan merupakan sebuah teks atau wacana yang merujuk kepada situasi yang sebenar, (3) PdP disesuaikan dengan keperluan dan minat murid, (4) penggunaan bahasa untuk berkomunikasi memerlukan latihan kemahiran komunikatif, dan (5) guru berperanan sebagai fasilitator, pengurus, pendorong, dan penasihat telahpun diamalkan oleh GC. Pengamalan setiap daripada kelima-lima prinsip amalan komunikatif yang dikemukakan oleh Littlewood ini akan dianalisis satu persatu, dan dimulakan dengan prinsip pertama iaitu prinsip pembelajaran bermakna.

Pembelajaran Bermakna

GC bahasa Melayu dalam langkah PdP-nya telah merancang satu aktiviti yang melibatkan simulasi jual beli robot. Dalam aktiviti ini, GC mewujudkan interaksi sosial antara penjual dan pembeli. Robot yang dijual merupakan hasil kerja kumpulan dalam langkah sebelumnya. Dalam proses jual beli ini, aktiviti tawar-menawar antara pembeli dengan penjual melibatkan penggunaan bahasa secara bermakna. Pemakaian intonasi dan laras bahasa jual beli digunakan dalam interaksi jual beli. Latihan awal dalam kumpulan disediakan sebelum aktiviti dijalankan. Penelitian terhadap perancangan aktiviti menunjukkan bahawa berlaku interaksi sosial yang dipelajari dan bentuk-bentuk interaksi sosial tersebut digunakan semula dalam aktiviti simulasi (RPH 01). Pembelajaran bahasa dalam konteks yang bermakna (Littlewood, 1981) melalui interaksi sosial ini adalah selaras dengan ciri utama idea komunikatif (Canale & Swain, 1980).

Dalam RPH ini juga, GC merancang aktiviti lisan yang menekankan penggunaan bahasa yang sesuai dalam konteks mempromosikan produk robot dan kereta ciptaan ahli kumpulan sendiri (RPH 01). Dalam aktiviti ini, penggunaan bahasa yang sesuai dalam konteks promosi bagi menarik perhatian pendengar diberi penekanan oleh GC. Ungkapan seperti, “Kami ingin memperkenalkan kereta buatan kami...” dan “Harga sebenar kereta ini sembilan ratus ribu dan selepas diberi diskaun...” dengan merujuk gambar kereta yang dilukis oleh ahli kumpulan mewujudkan pembelajaran yang bermakna sesuai dengan konteks promosi barangan.

Murid mempelajari penggunaan bahasa dan bukan kegunaan bahasa semata-mata (Widdowson, 1979). Prinsip pembelajaran bahasa dalam konteks yang bermakna (Littlewood, 1981) ini juga dapat diperhatikan dalam penggunaan perbendaharaan kata yang sesuai mengikut konteks. Pengkaji mendapati, GC memperbetulkan penggunaan kata *sebanyak* kepada *sejauh* dalam ungkapan, “Kelebihan kereta ini dapat *bergerak* sebanyak 150 kilometer sejam.” Penggunaan laras bahasa jual beli dalam bentuk pujukan seperti, “Sekiranya hendak membeli...”, “Banyak kelebihannya...” dan “Tuan-tuan dan puan-puan, kalau hendak membeli...” Latihan penggunaan bahasa dalam konteks yang bermakna ini dapat meningkatkan kecekapan komunikatif bahasa Melayu.

Pembelajaran Bahasa dalam Wacana

Littlewood (1981) dalam menyatakan prinsip amalan komunikatif menjelaskan bahawa bahasa yang dipelajari mestilah dalam konteks sebuah teks atau wacana yang menggambarkan situasi sebenar. Gambaran situasi sebenar dalam aktiviti bahasa akan menggalakkan penggunaan bahasa berdasarkan konteks wacananya. Berdasarkan pencerapan pengajaran GC, pengkaji mendapati GC menggunakan wacana narasi iaitu jenis wacana yang bersifat penceritaan atau pengkisahan (Idris, 2014). Dengan menggunakan wacana cerita

binatang, GC menjalankan aktiviti penggunaan bahasa dalam bentuk penceritaan, main peranan, dan lakonan berdasarkan cerita binatang tersebut (V01). Dengan memahami konteks wacana tersebut, murid menggunakan bahasa untuk bercerita dan berdialog sambil memainkan peranan watak-watak binatang tertentu. Aktiviti ini selaras dengan pernyataan Morrow & Johnson (1979) yang menyatakan tentang keperluan mewujudkan situasi komunikasi sebenar dalam pembelajaran komunikatif.

Pembelajaran Berdasarkan Keperluan Murid

PdP bahasa secara komunikatif merupakan suatu bentuk pembelajaran yang berfokuskan penggunaan bahasa (Widdowson, 1979). Kecekapan menggunakan bahasa secara tepat dalam pelbagai konteks kehidupan merupakan suatu keperluan bagi setiap murid. Justeru, program bahasa sama ada melibatkan objektif atau aktiviti perlulah berdasarkan keperluan dan minat pelajar (Wilkins, 1976; Widdowson, 1979). Dalam hal ini, GC telah merancang objektif dan aktiviti pembelajaran berdasarkan spesifikasi keperluan murid, iaitu kecekapan menggunakan bahasa dalam proses jual beli (RPH 01). Aktiviti ini sangat dekat dengan keperluan murid yang sentiasa terdedah dengan proses jual beli sama ada di sekolah atau luar sekolah. Pernyataan objektif yang melibatkan aktiviti jual beli ini dapat dilihat seperti berikut:

Objektif : Pada akhir pembelajaran, murid-murid dapat:

- i. menjalankan transaksi jual beli bagi mendapatkan barangan dengan menggunakan ayat bertatasusila.
- ii. membentangkan maklumat tentang robot ciptaan dengan memberi penjelasan yang sesuai.

(Rancangan Pengajaran Harian, 8 Mac 2013)

Aktiviti transaksi jual beli menjadi aktiviti yang menyeronokkan kerana keupayaan GC mewujudkan simulasi jual beli dalam aktiviti pembelajaran. Teknik ini berupaya merangsang amalan komunikatif kerana pelajar mempunyai pengalaman jual beli. Ini dapat dikesan berdasarkan dialog di bawah:

- Penjual : Cik, selamat datang ke kios kami.
Pembeli : (Senyum ke arah penjual sambil memerhati barangan di atas meja)
Penjual : Boleh saya bantu.
Pembeli : (menggeleng-geleng kepala sambil tersenyum)
Berapa harga robot ni?
Penjual : Muroh je, dua ratus ringgit. Tapi selepas diskaun, cik dapat harga yang lebih murah lagi.
Pembeli : Berapa?
Penjual : Seratus lima puluh. Nak tak?

GC juga telah menjalankan aktiviti bercerita (RPH 02). Cerita sastera, “Kerbau yang Baik Hati” yang melibatkan binatang diperkenalkan secara kreatif. Bahan bantu belajar seperti topeng dan kostum binatang-binatang disediakan bagi menimbulkan situasi sebenar. Puisi pula diperdengarkan dengan iringan muzik. Setiap kumpulan akan melagukan puisi dengan iringan muzik dan perbincangan tentang kandungan puisi dibuat selepas itu. Melalui cerita ini, GC merancang aktiviti penggunaan bahasa dalam bentuk dialog lakonan dan main peranan. Pengkaji mendapati murid menunjukkan minat yang tinggi dalam aktiviti komunikasi ini (V 02). Hal ini kerana cerita merupakan satu bentuk hiburan yang sesuai dengan jiwa kanak-kanak (Zulkipli, 2008).

Menurut Zulkifley (2012), program pendidikan bahasa yang sempurna ialah program yang dapat membekalkan para pelajar dengan pengetahuan bahasa yang dapat memungkinkan seseorang murid dapat memahami input dan menghasilkan output bahasa yang sempurna. Justeru, pembelajaran bahasa adalah berasaskan keperluan untuk

mbolehkan pelajar berkomunikasi secara berkesan. Dalam hal ini, GC telah menjalankan aktiviti PdP komunikatif dengan menekankan penggunaan bahasa yang tepat dan bertatasusila dalam mempromosi robot ciptaan ahli kumpulan (V02, RPH 01). Penggunaan perkataan-perkataan seperti kami, memperkenalkan, hasil kerja, dan banyak kelebihan dalam konteks ayat adalah menunjukkan kecekapan murid dalam menguasai laras bahasa promosi.

Penekanan kepada pembelajaran bahasa untuk komunikasi ini juga dapat diperhatikan dalam aktiviti dialog lakonan cerita binatang (RPH 02). Dengan memilih kemahiran 2.1 Aras 3 (i) iaitu mempersembahkan cerita dengan sebutan, intonasi, dan gaya penghayatan yang sesuai; murid diberi peranan memegang watak kerbau, kancil, dan buaya dalam cerita “Kerbau yang Baik Hati”. Penghayatan terhadap isu dan permasalahan serta watak dan perwatakan akan menentukan pemilihan kata, sebutan, dan bentuk pengujaran intonasi yang sesuai mengikut konteks cerita. Aktiviti ini secara tidak langsung meningkatkan keterampilan berbahasa murid dan GC sedar tentang keperluan ini seperti mana yang dinyatakan dalam transkripsi temu bual (TB 01), “Saya lebih menghasilkan murid yang mampu untuk berketerampilan di depan, maksudnya boleh berkomunikasi secara lisan, berani, dan yakin diri.”

Dalam aspek PdP dan hubungannya dengan minat murid, pengkaji mendapati faktor pemilihan tajuk “Robot Rekaan” dan “Kerbau yang Baik Hati” merupakan antara daya tarikan minat murid terhadap PdP GC. Unsur sains dan sastera yang diterap oleh GC ini sangat rapat dengan minat, umur, dan persekitaran pelajar tahun lima. Finocchioro dan Brumfit (1979) menyatakan dalam komunikatif apa sahaja pembelajaran akan diterima asalkan bersesuaian dengan umur dan minat murid. Faktor ini bukan sahaja akan mempengaruhi suasana pembelajaran tetapi menurut GC (TB 01), “Bukan sahaja untuk menimbulkan suasana yang menyeronokkan tetapi aktif serta menjadi contoh kepada guru-guru lain”.

Faktor yang kedua ialah bentuk aktiviti yang bercorak interaksi dalam kumpulan. Semakin banyak interaksi berlaku, semakin terdedah murid dengan penggunaan bahasa secara komunikatif. Dalam setiap instrumen kajian yang digunakan bagi mengutip data, didapati GC sentiasa menggunakan pendekatan kumpulan dalam aktiviti bahasa. Kumpulan yang dibentuk pula tidak kekal dan sentiasa berubah berdasarkan tahap kebolehan murid seperti mana kata GC (TB 01), “Aktiviti saya lebih kepada kumpulan dan kumpulan ini akan sentiasa berubah”. Dalam temu bual dengan tiga orang murid pula, apabila ditanya tentang mengapa seronok belajar dengan GC, murid pertama menjawab, “Sebab dia buat aktiviti berkumpulan.”, manakala murid kedua pula menjawab, “Belajar dengan bersuka ria, tak bosan, tak ngantuk la... Kalau aktiviti kumpulan, dia pasang lagu (muzik), cerita ke...Kadang-kadang cerita kelakar, gelak la”.

Penggunaan Kemahiran Komunikatif

Dalam PdP komunikatif, Littlewood (1981) menjelaskan bahawa antara prinsip penggunaan bahasa yang sebenar untuk berkomunikasi adalah bermula daripada latihan-latihan berasaskan kemahiran komunikatif. Littlewood membahagikan latihan komunikatif ini kepada dua jenis, iaitu latihan peringkat prakomunikatif dan peringkat komunikatif. Pengkaji mendapati GC menekankan peringkat latihan komunikatif. Aktiviti dialog dalam lakonan dan main peranan ditumpukan kepada fungsi komunikatif. Murid diarahkan berbincang dalam kumpulan untuk memahami konteks cerita binatang (RPH 02). Daripada pemahaman tersebut murid menggunakan intonasi yang sesuai secara spontan dalam dialog berdasarkan setiap watak cerita tersebut. Jelasnya, pengajaran dan pembelajaran bahasa bagi GC bertumpu kepada fungsi komunikatif dan bukan untuk dihafaz (Finocchioro & Brumfit, 1983).

Bahasa dipelajari melalui proses cuba dan ralat (Finocchioro & Brumfit, 1983), dan kesalahan bahasa merupakan hasil proses semula jadi dalam perkembangan penguasaan kemahiran berkomunikasi (Larsen-freeman, 1986). Hal ini selaras dengan pandangan Brumfit (1979) yang menyarankan bahawa pengajaran bahasa perlu kepada konsep kefasihan berbahasa (fluency). Dalam hal ini, GC telah menunjukkan sikapnya terhadap keperluan murid untuk menguasai kemahiran komunikatif. Kesalahan yang dilakukan semasa menjawab soalan dianggap oleh murid sebagai suatu proses cuba jaya sehingga dapat menemukan jawapan sebenar. Ini bermakna semakin banyak murid cuba menjawab semakin banyak murid menggunakan bahasa. Amalan ini ditemui dalam temu bual bersama murid (TB 02) seperti di bawah:

- Penemu bual : Soalan yang ditanya tu mencabor dok?
Murid A : Mencabor hah...
Murid B : Berebut-rebut nok jawab. Sapa nok jawab? (tanya guru). Lepas tu, semua akat tangang.
Penemu bual : Kenapa, soalang mudoh ke?
Murid B : Dok hah..., nok cuba jawab.
Murid C : Cikgu kata, kalu salah dok marah hah...

GC banyak menggunakan pendekatan kumpulan dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan (RPH 01, V 01 dan V 02 & TB 01) seperti mana yang dinyatakan, "Aktiviti saya lebih kepada kumpulan dan kumpulan ni akan sentiasa berubah." Dalam temu bual dengan murid pula (TB 02), murid menyatakan antara sebab seronok dengan cara GS mengajar adalah kerana aktiviti kumpulan yang dilaksanakan. Daripada pemerhatian, didapati semasa aktiviti kumpulan berlangsung, GC berperanan sebagai pemantau (TB 01) dan pembimbing (V 01). GC bergerak daripada satu kumpulan kepada satu kumpulan untuk mendengar perbincangan murid dan ada kalanya turut serta dalam interaksi ahli kumpulan tersebut. Selepas sesi perbincangan, GC bertindak sebagai pengurus pula apabila melantik seorang murid sebagai pengacara untuk menguruskan sesi pembentangan kumpulan (TB 02).

Littlewood (1981) mengklasifikasikan peranan guru dalam amalan komunikatif sebagai fasilitator, pengurus, dan penasihat untuk menggalakkan murid mengambil bahagian dalam menggunakan bahasa mengikut konteks. Untuk ini, pengkaji mendapati GC sentiasa memberi dorongan dalam bentuk fizikal dan mental kepada murid-murid untuk menjalankan aktiviti bahasa. Pengkaji sentiasa mendengar perkataan "bagus", "tahniah" dan bunyi tepukan setiap kali aktiviti bahasa dijalankan. Dorongan ini telah menggalakkan murid menggunakan bahasa dengan lebih yakin, dan ini dapat diperhatikan dalam aktiviti mempromosi robot rekaan kumpulan (V 02). Peranan yang dimainkan oleh GC ini selaras dengan tiga peranan guru dalam pembelajaran komunikatif iaitu sebagai pengendali keperluan, kaunselor, dan pengurus proses kumpulan.

KESIMPULAN

Kajian ini menghuraikan penerapan amalan komunikatif dalam PdP bahasa Melayu GC. Dapatan kajian menunjukkan GC secara sedar telah merancang amalan komunikatif melalui pemilihan hasil pembelajaran, pernyataan objektif, dan perancangan serta pelaksanaan aktiviti dalam PdP. Kelima-lima prinsip amalan komunikatif yang dinyatakan oleh Littlewood (1981) telah diamalkan oleh GC dalam pengajaran bahasa Melayu. Amalan komunikatif ini dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa yang menekankan fungsi penggunaan bahasa sebagai media komunikasi melalui pewujudan situasi sebenar. Aktiviti pembelajaran yang dirancang berdasarkan keperluan dan minat murid menjadi pencetus kepada rangsangan penggunaan bahasa secara aktif. GC memainkan peranannya sebagai

fasilitator atau pembimbing dalam setiap latihan bahasa yang menjurus kepada penguasaan kemahiran komunikatif murid.

Kajian yang dijalankan juga menunjukkan prinsip pembelajaran berdasarkan keperluan murid menjadi penekanan utama dalam pengajaran GC. Lima ciri prinsip ini ditunjukkan dalam amalan komunikatif GC. Tiga ciri prinsip guru sebagai fasilitator juga ditunjukkan oleh GC sementara prinsip pembelajaran bermakna dan penggunaan kemahiran komunikatif dikesan berdasarkan dua ciri yang ditunjukkan dalam amalan komunikatif GC. Jelas kepada kita, amalan komunikatif dalam pengajaran bahasa Melayu oleh GC boleh dijadikan panduan kepada guru-guru bahasa Melayu yang lain. Prinsip-prinsip komunikatif Littlewood (1981) yang ditunjukkan oleh GC dalam pengajaran bahasa Melayu sesuai untuk merealisasikan matlamat pendidikan bahasa Melayu di negara ini.

RUJUKAN

- Brumfit, Christopher, J. 1979. Communicative language teaching: An education perspective. *Applied Linguistics*, Vol. 1 (2), 89-112.
- Canale, Michael & Swain, Merrill. 1980. Theoretical bases of communicative approaches to second language teaching and testing. *Applied Linguistic*, Vol. 1 (1), 1-47.
- Danzin, N. K. 1997. *Interpretive ethnography: Ethnographic practices for the 21st century*. Thousands Oak, CA: Sage.
- Fadzilah Abdul Rahman. 2007. *Assessing preservice teachers' pedagogical knowledge development: The employment of bricolage approach*. Unpublished Ph.D dissertation, University of Sheffield, London.
- Finocchiaro, M. & Brumfit, C. 1983. *The functional national approach: From theory to practice*. New York: Oxford University Press.
- Hazri Jamil. 2009. *Productive pedagogies for Malaysian education system: Investigating the classroom practice of Malaysian secondary school teacher*. Kertas kerja, Seminar Pengajaran Berkesan Teras Pembangunan Modal Insan, Seminar Kebangsaan Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru 2009, Impiana Casuarina, Ipoh, Disember.
- Hasyim Othman. 2003. *Kemahiran menulis: perspektif komunikatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hymes, D. 1972. On Communicative Competence. Dlm. *Sociolinguistics*. Pride, J. B. & Holmes, J. , (Pynt.). Harmondsworth: Penguin Book, hlm. 269-293.
- Idris Aman. 2014. *Analisis wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jemaah Nazir Sekolah. 2006. *Strategi pengajaran guru cemerlang*. Putrajaya: Sektor Penaziran Kepimpinan Institusi Pendidikan.
- Juriah Long (Pnyt.). 2010. *Kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Juriah Long, Rahimah Sabran & Sofiah Hamid. 1992. *Pendekatan pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan Tahun 4*.
- David Lim Chong Lim, Nor Azizah Salleh, Saat Md Yasin, Mohd Kidin Shahrhan, Alias Mohd Yatim & Abdul Razak Habib. 2010. *HBEF2503: Kaedah penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Open University of Malaysia.
- Larsen-Freeman, D. 1986. *Techniques and principles in language teaching*. London: Oxford University Press.
- Littlewood, E. 1981. *Communicative language teaching: An introduction*. Cambridge: Cambridge University Press.

- Littlewood, W. 1985. Integrating the new and the old in the communicative approach. Dlm. Bilkram K. Das, (Pnyt.). *Communicative language teaching*. SEAMEO Regional language Centre: Singapore University Press, hlm. 1-13.
- Morrow, K. & Johnson, K. 1979. *Communicate*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Noraini Idris. 2010. *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Rozita Radhiah Hj. Said. 2011. *Penyampaian lisan dalam pengajaran karangan guru cemerlang bahasa Melayu untuk murid-murid tingkatan empat*. Tesis Ph.D, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Rozita Radhiah Hj. Said & Abdul Rasid Jamian. 2012. Amalan Pengajaran Karangan Guru Cemerlang di dalam Bilik Darjah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 27, 51-68.
- Teo Kok Seong. 2007. Sosiolinguistik. Dlm. Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh & Rahim Aman, (Pnyt.). *Linguistik Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 114-128, Edisi Kedua.
- Widdowson, H.G. 1978. *Teaching language as communications*. Oxford: Oxford University Press.
- Widdowson, H.G. 1979. *Explorations in applied linguistics*. Oxford: Oxford University Press.
- Widdowson, H. G. 2009. *Linguistics*. Oxford: Oxford University Press.
- Wilkins, D. A. 1976. *Notional syllabuses*. Oxford: Oxford University Press.
- Zulkipli Yaakob. 2008. *Perkembangan bahasa dan pembelajaran kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Open University of Malaysia.
- Zulkifley Hamid. 2012. *Keupayaan berbahasa Melayu dalam kerangka satu Malaysia*. *E-Bangi*, Vol. 7, No. 1, 00-00, 224-234.

Biodata Penulis:

Mohd Asri Harun

Penulis merupakan Pensyarah di Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, Terengganu. Beliau merupakan pensyarah dalam bidang pendidikan bahasa Melayu. Beliau sedang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang Kajian Bahasa Melayu di bawah seliaan Prof. Dr. Zulkifley Hamid.

Zulkifley Hamid

Penulis merupakan Profesor dalam bidang psikolinguistik dan pendidikan bahasa Melayu di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau banyak membuat penyelidikan dalam kedua-dua bidang ini. Beliau juga banyak menerbit dalam pelbagai bentuk penerbitan dalam bidang psikolinguistik dan pendidikan bahasa Melayu.